

Untuk siaran segera

## **OPERASI MESRA HASIL PERINGKAT NEGERI SABAH BIL. 4/2013 DI SANDAKAN PADA 20 & 21 OGOS 2013**

Sandakan, 20 Ogos – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mengadakan Operasi Mesra Hasil Peringkat Negeri Sabah Bil. 4/2013 pada 20 dan 21 Ogos 2013. Operasi Mesra Hasil pada kali ini diadakan di sekitar daerah Sandakan dengan memberi tumpuan kepada 7 kawasan utama antaranya Hypermarket Giant Sandakan & Bandar Utama (Batu 6), Harbour Square dan Harbour Mall Sandakan, Bandar Prima Square (Batu 4), Taman Mawar Jalan Sibuga (Batu 5), Bandar Letat Jaya (Batu 4), BDC Industrial serta Bandar Nam Tung.

Objektif Operasi Mesra Hasil diadakan antaranya untuk meningkatkan kutipan cukai khususnya di cawangan Sandakan, meningkatkan pematuhan di kalangan pembayar cukai, memberi kesedaran tanggungjawab dan pendidikan percukaian kepada pembayar cukai, mengenalpasti pembayar cukai baharu yang layak dikenakan cukai, mengemaskini maklumat pembayar cukai sedia ada dan mencerminkan imej mesra pelanggan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Seramai 80 orang pegawai daripada 5 buah cawangan LHDNM seluruh Sabah terlibat dalam operasi selama 2 hari ini dengan memberi tumpuan kepada 3 aktiviti utama antaranya operasi khas banci perniagaan (OBB), operasi khas serahan tangan dan operasi khas serahan tangan pungutan.

LHDNM mengharapkan kerjasama daripada orang awam dan pembayar cukai agar operasi ini akan dapat mencapai objektif yang telah disasarkan seperti yang telah dicapai semasa Operasi Mesra Hasil sebelum ini di cawangan lain.

###

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**Dikeluarkan oleh** : **Tuan Hj Kamaruzzaman bin Ab Salleh**  
**Pengarah Negeri Sabah**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**Tarikh** : **20 Ogos 2013**

**Nombor Telefon** : **088-237525 samb.: 88998**

**Nombor Faks** : **088-270711**

**Pusat Khidmat Pelanggan** : **1-800-88-5436 (LHDN)**

**[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)**